

Sukan Institusi Pengajian Tinggi serampang dua mata

Medan baru pemilihan atlet

Oleh **NAZMIL NASIRUDDIN**

pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 24 Mei - Penganjuran Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2012 pada 28 Oktober hingga 8 November ini bakal menjadi medan terbaru pemilihan atlet mewakili negara ke kejohanan lebih besar.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, penganjuran SUKIPT yang melibatkan kementerianannya itu mempunyai matlamat serampang dua mata.

Katanya, menerusi SUKIPT lebih ramai pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) akan terlibat secara langsung dalam aktiviti kesukanan.

“Selain itu, ia untuk memberi ruang kepada IPT terlibat secara tidak langsung dalam penganjuran dan aktiviti sokongan kejohanan tersebut,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pelancaran SUKIPT 2012 di sini hari ini.

Menurut Mohamed Khaled, penganjuran kejohanan tersebut juga tidak terhad kepada sukan semata-mata sebaliknya para penuntut IPT didedahkan juga kepada aktiviti keusahawanan, kesukarelaan dan kebudayaan yang menjadi nilai tambah.

Katanya, SUKIPT 2012 mempertandingkan 15 acara secara keseluruhan melibatkan lebih

IPT di sekitar Lembah Klang.

“Kesemua acara yang dipertandingkan semasa kejohanan ini adalah acara utama yang akan turut dipertandingkan dalam kejohanan Sukan Universiti ASEAN dan Sukan Universiti Dunia,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kecemerlangan atlet IPT dalam SUKIPT akan menjadi penanda aras kepada kelayakan untuk permohonan biasiswa sukan kementerian.

“Pendekatan ini diambil untuk memperlihatkan persaingan yang lebih hebat di kalangan atlet di IPT,” katanya.

Dalam perkembangan lain, katanya, tujuh atlet IPT yang melayakkan diri ke Sukan Olimpik London 2012 akan diberikan insentif lain sekiranya berjaya menghasilkan pingat kepada negara.

Majlis itu turut dihadiri Setiausaha Bahagian Sukan Kementerian Pengajian Tinggi, Dr. Saharudin Ismail dan Pengerusi Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), Prof. Madya Datuk Dr. Kassim Md. Mansur.

Sesi meraikan Penaja SUKIPT 2012 dan sesi Penyerahan Insentif Olimpik kepada atlet IPT turut diadakan pada majlis itu.

Majlis perasmian pembukaan dan penutup kejohanan itu masing-masing bakal berlangsung di Stadium Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dan di Stadium Universiti Putra Mala-



MOHAMED Khaled Nordin bersama Kassim Md. Mansur (kanan) bergambar bersama Piala SUKIPT 2012 di Putrajaya, semalam.

- UTUSAN/HANAFI KHAMIS

3,000 dijangka hadiri sidang Angkasa

KELANA JAYA 24 Mei - Hampir 3,000 perwakilan dan pemerhati dijangka menghadiri Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) ke-28 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini Sabtu ini.

Presiden Angkasa, Prof. Datuk Dr. Mohd. Ali Baharum berkata, majlis pelancaran dan perasmian persidangan itu dijadual disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

“Selain memilih dua orang naib presiden, persidangan tersebut juga akan memberikan satu impak kepada gerakan koperasi negara ini jika keputusan mesyuarat membenarkan Angkasa terlibat dalam perniagaan khususnya penubuhan subsidiari atau anak syarikat,” katanya.